

RABU, 17 MAC, 1982

SIMPANAN RAKYAT, KEMAJUAN NEGARA

TIDAK siapa dapat menafikan bahawa penabungan dan Pengemblengan simpanan perseorangan secara bijaksana akan membawa kesan yang besar kepada pembangunan ekonomi dan masyarakat sesebuah negara, baik yang maju mahupun yang masih membangun. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusannya sempena Simposium Kedua Pengemblengan Simpanan Perseorangan di Negara-negara Membangun, Isnin lalu, penggunaan simpanan perseorangan secara yang lebih sempurna bukan sahaja boleh mengurangkan kesan-kesan buruk inflasi dan meluaskan sumber-sumber penabungan tempatan bagi tujuan pembangunan tetapi juga meningkatkan lagi taraf dan kualiti hidup masyarakat.

Oleh kerana peranan simpanan perseorangan yang penting inilah maka Strategi Pembangunan Antarabangsa Kedua telah menekankan supaya setiap

negara membangun meningkatkan kadar penabungan (Jumlah simpanan dalam negeri: Jumlah keluaran negara kasar) masing-masing sebanyak kira-kira 0.05 peratus setahun sehingga mencapai 20 peratus pada tahun 1980 dan 28 peratus menjelang 1990. Di negara ini program-program simpanan perseorangan ternyata telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai. Kejayaan Bank Simpanan Nasional menarik lebih 4 juta penyimpan dengan jumlah simpanan yang sudah melebihi \$1.2 bilion membuktikan hakikat ini. Kemajuan ASNB dan pertumbuhan skim-skim penabungan lain seperti Lembaga Urusan Tabung Haji dan beratus syarikat-syarikat kerjasama dan swasta di seluruh negara adalah juga bukti bahawa kegiatan menyimpan dan menabung di kalangan rakyat kita sedang berkembang.

Pertumbuhan kegiatan-kegiatan ini mendapat galakan yang bukan kecil dari Kerajaan. Memberikan pelepasan

cukai kepada faedah dari simpanan tetap yang tidak terhad jumlahnya (untuk penyimpan-penyimpan di Bank Simpanan Nasional) dan menjamin pengeluaran dividen dan bonus (untuk pelabur-pelabur dalam skim ASNB) adalah di antara beberapa galakan yang disediakan. Pelepasan cukai juga diberikan kepada faedah dari simpanan perseorangan di bank-bank dan syarikat kewangan swasta, tetapi tertakluk kepada jumlah maksimum \$1,000. Tetapi penabungan dan penyimpanan sahaja tanpa pengemblengan yang cekap tidaklah akan mendatangkan faedah sepenuhnya dari simpanan yang terkumpul ini. Oleh yang demikian institusi-institusi simpanan berkenaan secara bersendirian dan berkelompok patutlah pula mencari jalan untuk menggunakan simpanan ini dengan sebaik-baiknya bagi menghasilkan sumbangan yang paling berkesan dan berfaedah kepada penabung dan pembangunan negara.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia